

VERBATIM: TEKS UCAPAN YAB DATUK SERI PANGLIMA ANWAR BIN IBRAHIM PERDANA MENTERI SEMPENA SESI RAMAH MESRA BERSAMA PERSATUAN INDUSTRI SABAH

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : SUTERA HARBOUR, KOTA KINABALU, SABAH

Date : 08/11/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATUK SERI PANGLIMA ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

**SESI RAMAH MESRA YAB PERDANA MENTERI BERSAMA
PERSATUAN INDUSTRI SABAH**

8 NOVEMBER 2025 (SABTU) | 7.30 MALAM

SUTERA HARBOUR, KOTA KINABALU, SABAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera.

“Da xiao hou”.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor,

Ketua Menteri Sabah;

Yang Berhormat Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz,

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri;

Yang Berhormat Datuk Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil,

Menteri Komunikasi;

Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong,

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri; dan

Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha Sakmud,

Timbalan Menteri Pendidikan; dan

Semua rakan-rakan yang hadir.

Terima kasih banyak.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Da xiao hou.

1. Saudara Tengku Zafrul menerangkan sedikit sebanyak tentang program-program yang ada. Kita memenuhi permintaan persatuan pengilang dan syarikat-syarikat di Sabah untuk mengadakan temubual-temubual soal jawab ini, jadi saya hendak tumpukan tentang dasar. Malaysia sudah sampai ke tahap di mana fokus kita harus kekuatan ekonomi. The focus must be to strengthen our economy. Nobody is going to help us.
2. Orang datang respect kita sebab negara ini aman. Dia respect kita sebab polisi kita kuat, kita tahu bagaimanapun politik kita – negeri, Pilihan Raya Sabah, masalah negeri, masalah kaum, tapi dia tahu fokus kita dalam keadaan Kerajaan Persekutuan, fokus saya dan rakan-rakan saya Saudara Hajiji dan rakan-rakan di Sabah, our focus is to make sure that this country succeed as a great nation with a strong economy.
3. Ini penting. Orang tanya saya, mesej saya di Malaysia, di Sabah mana ada tidak ada soal jawab, huru-hara, tuntutan itu, tuntutan ini, biasa. Tambah sekarang pula semua hendak claim jadi hero, tapi negara ini

yang bantu kita jadi hero bukan tokoh-tokoh dan parti-parti. Kita mesti ingat baru-baru ini kita ada ASEAN. Kita boleh selesaikan perundingan dengan Presiden Donald Trump hari Ahad. Hari Isnin kita boleh duduk dengan Premier Li Qiang negara China. Selasa, kita boleh sign agreement ASEAN-Negara China. Ada yang Trump suka, ada yang dia tidak suka, tapi fundamentals, fokus kita dapat peaceful nation, friendly to all nations force yang kita sebut centrality. Orang marah saya sebab terlalu baik dengan China, dia marah, baik dengan Amerika, dia marah.

4. Saya tidak peduli awak marah atau tak marah, kerana saya mahu jaga negara ini Malaysia, supaya menjadi negara besar. Dan kalau kita mahu berjaya dalam ekonomi, kita kena berkawan semua, bukan kita setuju semua. Kita berkawan, umpamanya sama-sama dalam Jemaah Menteri, Tengku Zafrul ada sini, saya bukan setuju semua dengan dia, banyak setuju lah. Dengan Saudara Hajiji, kadang-kadang dia buat statement, saya kurang setuju tapi that is the reality, kita lain ada sikit-sikit beza, tapi yang kita sepakat apa? Apa yang kita fokus, save this country. Kita sudah rugi banyak tahun, gaduh-gaduh politik tidak habis, rugi, tapi yang untung 3 – 4 orang. Yang bising itu banyak kaya-kaya. Yang kita nak tolong ini orang meniaga dan rakyat kita. That is our focus. Dan saya nak cakap terus terang, suka baik, tidak suka pun baik.
5. Because not many countries, tidak banyak negara di dunia macam kita. Buat conference ASEAN, ASEAN ini 10 negara masuk satu lagi Timor-Leste jadi 11, tapi yang datang ini semua ekonomi besar dunia. Eropah, Presiden Eropah Union datang. China, gergasi ekonomi besar. Dulu awal Presiden Xi Jinping, sekarang Premier Li Qiang.

Satu tahun, dua tokoh besar China di Malaysia, bagi tahu mana negara lain yang buat begitu? Amerika, Presiden Donald Trump sendiri datang. Prime Minister Canada, Prime Minister Canada tidak sesuai, setuju dengan Donald Trump, tapi kita panggil dua-dua. Korea, Presiden Korea, lawatan pertama ke Malaysia. Perdana Menteri Jepun, baru diangkat lawatan pertama ke Malaysia.

6. Kemudian kita buka jaringan ekonomi. Why? We want to open new markets. You are a trading nation, we are a trading nation. Most of you are traders, you produce to export. We want to open up the markets, so that you can increase your production. You will advise us, we need more funds we need Exim Bank.
7. We need to support start-up companies. You tell us and we will adjust and do what is best for you and for this country. Itu saya punya polisi. Not difficult to understand. So we open up sampai ke Latin America, sampai ke Brazil. Orang tanya, why? You know because kita baik dengan Brazil. Dia bagi salah satu oil field yang sangat baik untuk PETRONAS, gali minyak di Brazil sebab kita kawan dengan dia, kita trade dengan dia. Ya, Amerika tak suka dia, okay, dia suka tak suka, dia punya polisi tapi kita baik dengan dia.
8. Satu lagi syarikat Yinson. Yinson buat order 2 kapal pengangkutan besar, itu syarikat Malaysia buat di Brazil. Kemudian, Afrika Selatan, South Africa, President Ramaphosa. Growing economy, huge potential, one of the economic giants in Africa. Kita baik dengan dia.

9. Presiden Donald Trump semalam beritahu. Oh, Amerika tidak akan hadir G20 Mesyuarat di Afrika Selatan. Kita tidak mahu kawan dengan Afrika dan kita minta orang jangan ikut sana. Itu pandangan dia, saya ucap terima kasih. Tetapi tanya saya, “saya nak pergi ke Afrika mesyuarat G20”. Saya akan pergi Why? Because Malaysia is an independent nation. I represent this country and my decision must be to protect the interest of our people, all Malaysians and the Malaysian economy. So, I will go and open up trade and market in Africa. So, itu bagi saya in a nutshell apa yang kita buat.

10. Jadi, saya tidak mahu ini politik di Sabah gaduh-gaduh ini lupa our focus. We need the support of all states. We need Sabah and Sabah needs a national government, federal government yang bekerjasama dengan Sabah. You nak gaduh boleh gaduh. Orang atas gaduh, orang bawah susah. Nak gaduh dengan saya apa? Sebab apa mahu gaduh dengan saya? Saya bukan mahu curi balak Sabah. Tanya Hajiji, ada saya minta balak? Tak ada. Ada saya minta tanah? No. Ada saya minta kontrak? Tak ada.

11. I want to serve this country. We work together. KEADILAN, PH, DAP, AMANAH. Kita pun tidak contest banyak, tidak apa. You pilih siapa yang mahu. But, pilih orang yang bawa kerjasama dengan kita. Pilih orang di Sabah supaya together with the federal government work to uplift the standards of living and the economy of Itu mesej saya kepada Sabah.

12. Now, kalau tanya ekonomi, policy, business, no business kalau tak ada Tidak berkembang perniagaan kalau tak ada kerjasama national

dengan state. Jadi kita kena tanam this sort of semangat dan understanding. Mahu cari perfect mana boleh perfect. Saya pun banyak weaknesses, saya bukan perfect. Orang tegur saya, okay. Hari-hari orang rentap saya. PAS hari-hari suruh saya turun, nanti sekejap saya turun. I'm okay, tetapi saya tidak hilang fokus, you can say what you like, kita tidak hilang fokus.

13. Fokus kita apa? This country, our economy dan kalau kita mahu bantu ekonomi kita, kita kena kawan dengan semua China is too important for us. It's a very important neighbor. Very strong economy and, dah jadi kawan baik kita. Apa pasal saya mahu gaduh? Ada orang tidak suka dia punya Saya pergi, tanya Zafrul, kadang mesyuarat lain, President Xi Jinping dengar, dia bagi ruang. Belum pernah saya pergi ke China, any meeting, any conference, without being invited by the President to meet up with him either for dinner or a private meeting. Ini for the country.
14. Jadi, pada masa yang sama, orang kata dia tidak setuju dengan Trump sebab Trump tolong Israel. Jadi, saya cakap dengan Trump, "Presiden, kita sokong kamu, aman. Tetapi, kita minta tolong, janganlah dia bunuh orang. Janganlah bagi Israel hari-hari bom". Kita cakap dengan baik. Kalau saya ambil sikap musuh, I don't meet him, I don't discuss with him, he will not listen to me. But, I'm not the President of The United States. We are a small country. We are independent. But we express our views. We want him to listen, at least dia dengar, dia terima semua. Dia cakap dengan saya pun, saya tidak terima semua. Maksud saya, kalau Presiden Amerika cadang kepada Anwar, saya tidak setuju semua, takkan saya cakap dengan dia, dia setuju semua but that is diplomacy, cakap dengan baik, cari

jalan, tapi yang penting, berdagang dengan dia. Kita punya eksport ke Amerika besar, dia punya investment besar, sekarang data center, AI, ini semua banyak American companies, sebab itu, kita harus bekerjasama.

15. Sekali lagi saya hendak sebut dalam hal ini untuk rakan-rakan di Sabah, terima kasih kerana bagi sambutan ini. I really, truly appreciate, I take the trouble, I was whole day today in Penang. Whole day in Penang. Sampai, Tengku Zafrul punya program. Tidak bagi saya balik, buka kunci hotel pun tidak sempat, terus mari sini. Why? I salute, hormat you, jadi saya datang terus. Tukar baju, tiada dry cleaning pun tak ada, tukar baju atas plane terus turun.
16. Why? Because we have to work hard. Kita kena kerja kuat. We must support and produce leaders that work for this country. Cukup, you mahu kaya, you mahu curi duit jangan jadi pemimpin. Cannot, don't destroy this country, kita ada banyak skandal dulu, ada kuasa curi, ada kuasa ambil. Tidak, stop this!.
17. Saya beritahu, selagi saya jadi ini PM, I will not tolerate responses. Power should be used to ensure we govern this country well and protect rakyat kita. Berapa banyak orang-orang di semenanjung, PAS, BERSATU di sini dia kata lain, di sana dia kata saya ini terlalu ikut China habis, tidak habis-habis Anwar ni semua okay, tapi dia ikut China. Dan termasuk Tun Mahathir hari-hari marah saya kerana saya ini bukan Melayu. Saya Melayu la. I'm a proud Malay. No problem with that but, I'm also a proud Malaysian. I'm Prime Minister for the Malays, for the Chinese, for the Sabahans, for the Sarawakians, for

Perlis, for Selangor I must be a Prime Minister for all baru boleh selamatkan negeri.

18. Jadi, saya make no apologies. Sabah saya ada message clear. Semua kaum, saya tak mahu layan ini politik tahu. You nak cakap, you punya pasal. Saya nak pastikan semua bekerjasama. Pastikan negeri ni aman. Pastikan pimpinan boleh bawa mesej sama. Pastikan pimpinan bekerjasama kuat dengan keadaan keseluruhan.
19. Fokus ekonomi. Program ekonomi. Ekonomi, ekonomi, ekonomi. Business entry. Anak-anak kita mahu kerja. Anak-anak kita mesti dapat latihan yang lebih baik. We must improve our infrastructure, our education, our health. Ini yang saya ingat. Kawan-kawan kena berfikir macam itu. Sebab kadang-kadang saya tengok dalam 2-3 minggu ini semua makin panas. Semua engine temperature semua naik. Tetapi ingat temperature semua boleh naik tetapi rakyat kena jaga. Negara ini kena jaga.
20. I am glad, I should say this in all humility. Bila orang bagi hormat sambut satu dunia, saya bangga sebagai anak Malaysia. Malaysia is now where it has been but now more so in the world. You tanya siapa mana-mana pun Malaysia dia tahu. You tengok pelancongan kita, melonjak naik. Orang kenal nama kita.
21. Ini tanggungjawab kita, tanggungjawab kawan-kawan semua dan kalau bawa apa-apa cadangan tambahan, Zafrul ada, Chin Tong, dari

segi bisnes, Menteri-menteri lain ada, KSU ada. Work with the state, work with us.

22. Sekali lagi saya repeat, I don't claim to have all the answers or to be perfect but I must say that we have done our best and will continue to work hard to ensure that Malaysia comes out as a great nation.

Terima kasih.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/en/speeches-en/verbatim-teks-ucapan-yab-datuk-seri-panglima-anwar-bin-ibrahim-perdana-menteri-sempena-sesi-ramah-mesra-bersama-persatuan-industri-sabah/>